

Musa diumumkan Naib Canselor USIM yang baharu

SEREMBAN 19 Ogos - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antara-bangsa) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dilantik sebagai Naib Canselor universiti berkenaan, berkuat kuasa Isnin lalu untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Pelantikan itu dibuat dan dipersejuti Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pendidikan.

Beliau yang tiba di bangunan

Canselori pada hari berkenaan disambut pengurusan kanan USIM, diketuai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah; Pendaftar, Muhammad Hai-zuan Rozali; dekan-dekan fakulti; ketua-ketua jabatan dan kakitangan Canselori.

Sebaik bersalaman dengan pegawai dan kakitangan, Musa merakam waktu masuk pejabat di Lobi Canselori sebagai Naib Canselor keempat uni-

versiti ini, diikuti dengan bacaan doa kesyukuran yang dipimpin Pengarah Pusat Islam USIM, Dr. Wan Abdul Fatah Wan Ismail.

Beliau seterusnya diiringi memasuki Pejabat Naib Canselor yang terletak di Aras 5, Bangunan Canselori untuk menandatangani surat rasmi pertama diikuti dengan ramah mesra dan perjumpaan tertutup bersama-sama Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin.



MUSA Ahmad (duduk) yang dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia yang baharu bersama-sama pihak pengurusan kanan universiti itu di Nilai, kelmarin.